

Soalan Latihan Objektif - Imbuhan Pinjaman

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Kempen _____ yang dijalankan oleh kerajaan mendapat sambutan hangat.

- A antibodi
- B antibiotik
- C antidadah
- D antibakteria

2 Sukan _____ itu akan dianjurkan oleh Singapura pada bulan Disember nanti.

- A dwifungsi
- B dwimusim
- C dwibahasa
- D dwitahunan

3 _____ buku itu mengulas sedikit pandangan penulis tentang sukan di Malaysia.

- A Prakata
- B Prabayar
- C Prasyarat
- D Pratonton

4 _____ yang bertugas melayan penumpang dengan mesra.

- A Pramugari
- B Prasarjana
- C Pramugara
- D Prasiswazah

5 Sekolah antarabangsa itu mempunyai _____ yang serba lengkap.

- A prauniversiti
- B prasangka
- C prasejarah
- D prasarana

6 _____ persatuan silat sedang memberi nasihat yang berguna kepada anak didiknya.

- A Maharani
- B Maharaja
- C Mahaguru
- D Mahahakim

7 Seng Kok diisytiharkan sebagai _____ negeri Selangor tahun ini.

- A sasterawan
- B negarawan
- C olahragawati
- D olahragawan

8 Tindakan_____akan dikenakan kepada kakitangan yang melanggar peraturan syarikat.

- A tatalaku
- B tatatertib
- C tatarakyat
- D tatanegara

9 Latihan_____yang diberi oleh Cikgu Mazira sungguh susah.

- A tatacara
- B tatasusila
- C tatanegara
- D tatabahasa

10 _____P. Ramlee pernah memenangi banyak anugerah dalam dunia perfileman.

- A Seniwati
- B Seniman
- C Peragawati
- D Peragawan

11 _____itu membuat laporan lintas langsung dari Stadium Bukit Jalil Semasa Perlawanan Badminton Terbuka Malaysia diadakan.

- A Jutawan
- B Hartawan
- C Wartawan
- D Dermawan

12 Pemilik syarikat yang_____itu sentiasa menderma kepada bahan kebajikan.

- A rupawan
- B budiman
- C negarawan
- D pustakawan

13 Semua pekerja di Syarikat Seng Lee perlu mengikuti_____ yang telah ditetapkan.

- A tatakerja
- B tatatertib
- C tatasusila
- D tatabahasa

14 Persembahan nyanyian oleh_____ yang terkenal itu menghiburkan hati para penonton.

- A biduanita
- B sukarelawati
- C angkasawati
- D olahragawati

15 Abang saya _____ Universiti Sains Malaysia.

- A mahasiswa
- B mahaguru
- C mahasiswi
- D maharaja

16 Emak menyapu sedikit cecair _____ pada luka di kaki adik.

- A antibodi
- B antikarat
- C antiseptik
- D antijenayah

17 Gadis yang _____ itu akhirnya berkahwin dengan pemuda idamannya.

- A olahragawan
- B budayawan
- C karyawan
- D rupawan

18 _____ negara telah selamat berlepas ke angkasa lepas.

- A Peragawan
- B Pustakawan
- C Negarawan
- D Angkasawan

19 Mesin pencetak _____ itu sangat berguna di pejabat.

- A dwitahunan
- B dwimingguan
- C dwibahasa
- D dwifungsi

20 Masalah penggunaan bahasa Melayu di negara ini telah dibahaskan oleh para _____ .

- A cendekiawan
- B wartawan
- C hartawan
- D jutawan

21 _____ untuk memasuki universiti itu sangat ketat.

- A Prasyarat
- B Prasarana
- C Prasangka
- D Prasiswazah

22 “Jangan selalu _____ buruk terhadap orang lain,” nasihat emak kepada kami.

- A Prasyarat
- B Prasarana
- C Prasangka

D Prasejarah

23 Kamus elektronik _____ itu dijual kepada para pelajar dengan harga yang berpatutan.

- A dwitahunan
- B dwibahasa
- C dwiminggu
- D dwibulan

24 Ramuna telah menerima anugerah _____ sekolah selama dua tahun berturut-turut.

- A mahasiswa
- B peragawati
- C sukarelawati
- D olahragawati

25 Encik Latif bertugas sebagai _____ di Perpustakaan Negara sejak tahun 1999.

- A biduan
- B mahasiswa
- C peragawan
- D pustakawan

26 Sudah sepuluh tahun kakak menjadi _____ bagi Pertubuhan MAKNA.

- A olahragawati
- B sukarelawati
- C biduanita
- D seniwati